

1979

KUALA LUMPUR, 5 FEB. (BERNAMA). -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN HARI INI BAHAWA MALAYSIA TIDAK MUDAH DITAKUT-TAKUTKAN OLEH SETENGAH NEGARA YANG MENGGUNAKAN DASARNYA MENGENAI PELABURAN ASING SEBAGAI +CARA UNTUK MENEKAN NEGARA INI.+

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA SETENGAH PELABUR ASING MENGANCAM TIDAK AKAN MELABUR DI NEGARA INI JIKA MEREKA +TIDAK PUASHATI TENTANG APA SAJA+ DAN SANGGUP PULA MENJALANKAN KEMPEN UNTUK MEMBURUKKAN MALAYSIA, DENGAN BANTUAN PIHAK AKHBAR MEREKA.

DALAM UCAPANNYA DI PERASMIAN SEMINAR BANDARAYA KUALA LUMPUR-LONDON DI SINI, BELIAU TELAH MENYEBUT SATU KES BARU-BARU INI DIMANA PERCUBAAN SEBUAH SYARIKAT YANG BERPEJABAT DI MALAYSIA UNTUK MENGAMBIL ALIH SEBUAH SYARIKAT KEPUNYAAN BRITISH TELAH MENIMBULKAN SATU KEJADIAN MEMBURUK-BURUKKAN MALAYSIA. UCAPAN BELIAU DIBACAKAN OLEH MENTERI PELAJARAN, DATUK MUSA HITAM.

BELIAU BERKATA KEMPEN JAHAT INI DIJALANKAN OLEH AKHBAR-AKHBAR BRITISH YANG MENUDUH MALAYSIA CUBA MENJALANKAN LANGKAH MEMILEKNEGARA SECARA BERSELINDUNG DAN AKHBAR ITU MENGGESA PARA PELABUR JANGAN MELABUR DI NEGARA INI.

+SAYA INGIN MENEGASKAN DI SINI BAHAWA TIDAK AKAN GENTAR DENGAN AMALAN JAHAT SEUMPAMA INI,+ TAMBAHNYA. -- BERSAMBUNG 1030

S7

MAHATHIR - SEMINAR 2 KUALA LUMPUR

KERAJAAN MALAYSIA, TEGAS DR. MAHATHIR, +TIDAK MUDAH DITAKUT-TAKUTKAN OLEH MEDIA DI BRITAIN.+

BELIAU MENYETUJUI BAHAWA PELABURAN ASING ADALAH PENTING BAGI MALAYSIA, TETAPI MENAMBAH; +DENGAN MENGANCAM MENGHENTIKAN PELABURAN TIDAK BERERTI BOLEH MENGHALANG KITA MENGAMBIL ALIH SECARA SAH SYARIKAT-SYARIKAT ATAU MELAKUKAN GABUNGAN.+

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA; +KAMI TIDAK AKAN MEMILIK-NEGARA -- INILAH JANJI YANG TELAH KITA BUAT KEPADA DUNIA -- TETAPI PENGAMBILAN ALIH YANG SAH ATAU GABUNGAN YANG DIJALANKAN OLEH AHLI PERNIAGAAN ADALAH SESUATU YANG LAIN. KAMI TIDAK AKAN MENYEKAT MEREKA.+

+KAMI TIDAK BOLEH DITEKANKAN OLEH SEBARANG USAHA HENDAK MENSABAOTAJ USAHA PELABURAN KAMI. KAMI TIDAK AKAN TUNDUK KEPADA SEBARANG BENTUK PENJAJAHAN EKONOMI.+

MENGENAI RUNDINGAN DAGANG PELABAGAI PIHAK YANG TELAH BERLARUTAN, BELIAU BERKATA TAWARAN YANG DITERIMA OLEH MALAYSIA ADALAH KURANG DARI APA YANG DIJANGKAKAN. --BERSAMBUNG 1226/MD

MAHATHIR - SEMINAR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU KECIWA KERANA BRITAIN TIDAK LANGSUNG MENCUBA UNTUK MEMPENGARUHI KEMAJUAN RUNDINGAN TERSEBUT DENGAN SATU CARA YANG MEMBOLEHKAN NEGARA-NEGARA KOMANWEL SEPERTI MALAYSIA MENDAPATKAN TAWARAN YANG LEBIH BERMAKNA DARI EEC.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGKECAM NEGARA-NEGARA MAJU KERANA KEGAGALAN MEREKA MELAKSANAKAN DASAR DAN STRATEGI EKONOMI YANG BOLEH MENSTABILKAN EKONOMI DALAM NEGARA Masing-masing, MENGAWAL INFLASI DAN MEMPERBETULKAN KETIDAKSEIMBANGAN PEMBAYARAN.

SEBALIKNYA, KATANYA, MEREKA MENGHIDUPKAN PULA SEMULA DASAR PERLINDUNGAN PERDANGANGAN DENGAN MENUTUP PASARAN BAGI BARANGAN YANG TIDAK LAGI DAPAT MEREKA KELUARKAN TANPA MENGALAMI KERUGIAN. KATANYA, SIKAP YANG DIAMBIL OLEH NEGARA-NEGARA MAJU SEKARANG TIDAK DAPAT MENGHAPUSKAN INGATAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA BEKAS JAJAHAN BAHAWA MEREKA MENAWAN PASARAN DENGAN KUASA YANG ADA PADA MEREKA.

TAMBAHNYA, MALAYSIA MENYEDARI BAHAWA IKRAR YANG DILAUNG-LAUNGAN OLEH NEGARA-NEGARA MAJU UNTUK MEMBANTU NEGARA-NEGAR MEMBANGUN +ADALAH KOSONG DAN TANPA SEBARANG KESUNGGUHAN+ SEBAIK SAHAJA RUNDINGAN DIJALANKAN.

MAHATHIR - SEMINAR 4 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA BERKATA BAHAWA KADAR PERTUMBUHAN MALAYSIA TERUS +MENGALAKKAN+ DENGAN PERTUMBUHAN SEBENARNYA DALAM MASA DUA ATAU TIGA TAHUN LALU BERHITUNG PANJANG KIRA-KIRA 8 PERATUS WALAUPUN PERMINTAAN DUNIA TERHADAP BARANGAN MALAYSIA TURUN NAIK, DISEBABKAN EKONOMI YANG KURANG KUKUH.

PELABURAN SWASTA YANG MEROSOT DALAM MASA DUA TAHUN PERTAMA DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA TELAH MENUNJUKKAN TANDA-TANDA UNTUK MENINGKAT.

BARANGAN EKSPORT MALAYSIA PULA SANGAT MEMUASKAN DALAM MASA KIRA-KIRA DUA TAHUN LALU, MENGHASILKAN PERTAMBAHAN DALAM PENDAPATAN EKSPORT NEGARA.

ADALAH JELAS, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR, +BAHAWA SEDANG DUNIA MENGHADAPI EKONOMI YANG TIDAK TENTU DAN KADANG-KALA BERGELORA, EKONOMI MALAYSIA BOLEH TERUS STABIL DAN KUKUH MALAH BERKEMBANG.

MENGENAI HUBUNGAN BRITAIN DENGAN MALAYSIA, BELIAU BERKATA INI TELAH DAPAT DIPERKUKUHKAN LAGI MENERUSI PELABURAN.

MENJELANG DISEMBER 1977, PELABURAN BRITAIN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT PERINTIS DI MALAYSIA BERJUMLAH KIRA-KIRA \$122 JUTA, MENJADIKAN NEGARA ITU YANG KETIGA BESARNYA MELABUR DALAM SYARIKAT SYARIKAT SERUPA ITU DI MALAYSIA.

--BERNAMA 1248/RV